



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: :100-4/10.Vol.2/(83)

Tarikh : :02 Oktober 2017

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Badan-badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Semua Presiden Majlis Perbandaran

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah , Pejabat Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 13 TAHUN 2017 PENGUNAAN LEJAR SUBSIDIARI SEBAGAI AKAUN PENGHUTANG PENDAHULUAN MIKRO KOMPUTER(K52) DAN PENDAHULUAN DIRI(K52)**

#### **1. TUJUAN**

Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan penggunaan Lejar Subsidiari sebagai **Akaun Penghutang Pendahuluan Mikro Komputer(K52) dan Pendahuluan Diri (K52)**.



**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 13 TAHUN 2017**  
**BERTARIKH: 02 OKTOBER 2017**

---

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pada masa ini rekod Akaun Peminjam Pendahuluan Mikro Komputer(K52) dan Pendahuluan Diri(K52) adalah dinyatakan dalam Lejar Subsidiari Kawalan Pendahuluan Diri dengan menggunakan *One Line Code* seperti yang berikut:-

2.1.1 **K52 000 000000 521000 00000000 00000**  
*(Pendahuluan Mikro Komputer)*

2.1.2 **K52 000 000000 520000 00000000 00000**  
*(Pendahuluan Diri)*

2.2 Penyediaan Lejar Subsidiari Kawalan Pendahuluan Diri pada masa ini adalah secara manual berdasarkan kepada maklumat yang terdapat dalam borang JBN.25 Lampiran A, Borang JBN 26 Lampiran B dan Borang 25(A) Lampiran D yang disediakan oleh Jabatan/Kementerian. Maklumat tersebut adalah merupakan data input untuk dimasukkan dalam sistem yang dinamakan **Sistem Data Entri Pendahuluan Diri** untuk menjana Lejar Subsidiari Kawalan Pendahuluan Diri

2.3 Proses penyediaan Lejar Subsidiari Kawalan secara manual dilakukan selepas Akaun Bulanan Kerajaan Negeri ditutup. Lejar Kawalan Pendahuluan Diri secara manual hanya akan dikemukakan kepada Jabatan/Kementerian untuk semakan dan pengesahan baki pada **setiap suku tahun dan pada akhir tahun.**

2.4 Rekod ini didapati tidak menggambarkan kedudukan sebenar rekod Peminjam **Pendahuluan Mikro Komputer(K52) dan Pendahuluan Diri (K52)** secara individu.

**3. LEJAR SUBSIDIARI AKAUN PENGHUTANG PENDAHULUAN MIKRO KOMPUTER(K52) DAN PENDAHULUAN DIRI(K52) SECARA ELEKTRONIK**

Selaras dengan perkembangan teknologi dan sebagai persediaan pelaksanaan **Perakaunan Akrua** yang mewajibkan untuk mewujudkan Akaun Penghutang, maka **Sistem Lejar Subsidiari Akaun Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer(K52) dan Pendahuluan Diri (K52) Secara Elektronik** perlu dibangunkan.

3.1 **Lejar Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer dan Pendahuluan Diri Secara Elektronik** disediakan dengan mewujudkan **Kod Akaun Subsidiari** kepada **setiap peminjam** pinjaman Mikro Komputer dan Pendahuluan Diri(K52).

3.2. **Kod Akaun Subsidiari** tersebut akan menjadi **Nombor Akaun Peminjam** yang kekal walaupun peminjam dipindahkan ke Jabatan/Kementerian lain.

3.3 Bagi **Nombor Akaun Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Diri(K52)**, Nombor Akaun diwujudkan mengikut jenis Pinjaman Pendahuluan Diri. Pada masa ini terdapat enam (6) jenis pendahuluan diri yang sedang aktif digunakan seperti yang berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Jenis</b>	<b>Kod</b>
(i)	Gaji	751
(ii)	Gaji/Elaun Terlebi Bayar	752

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 13 TAHUN 2017**  
**BERTARIKH: 02 OKTOBER 2017**

---

(iii) Perjalanan Rasmi	754
(iv) Kehilangan Wang Tunai	756
(v) Panjar yang belum diselesaikan/Surcaj	757
(vi) Lain-Lain	758

3.4 Contoh Kod Akaun Subsidiari Pendahuluan Mikro Komputer dan Pendahuluan Diri adalah seperti yang berikut:

3.4.1 Kod Akaun Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Mikro Komputer  
**K52 150 000000 521000 00000000 00001**

3.4.2 Kod Akaun Subsidiari Pinjaman Pendahuluan Diri

**K52 150 000000 520000 00000000 10001-** Kod 751,752,756 & 757

**K52 150 000000 520000 00000000 20001 -** Kod 754

**K52 150 000000 520000 00000000 30001-** Kod 758 Pelbagai

**K52 150 000000 520000 00000000 40001-** Kod 758 Kecemasan

*(Nota: Sila rujuk jenis pendahuluan diri mengikut Kod di 3.3)*

#### **4. PEWUJUDAN NOMBOR AKAUN SUBSIDIARI**

Pewujudan Nombor Akaun Subsidiari Pendahuluan Mikro Komputer(K52) dan Pendahuluan Diri(K52) adalah dibawah tanggungjawab **Jabatan Bendahari Negeri Sabah(JBNS)**

##### **4.1 Nombor Akaun Subsidiari Pendahuluan Mikro Komputer(K52)**

###### **4.1.1 Peminjam Sedia Ada Pendahuluan Mikro Komputer(K52)**

Bagi peminjam sedia dalam rekod Pendahuluan Mikro Komputer, Kod akaun subsidiari akan disediakan oleh JBNS

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 13 TAHUN 2017**  
**BERTARIKH: 02 OKTOBER 2017**

---

4.1.2 Pemohon Baru Pendahuluan Mikro Komputer(K52)

Bagi pemohon baru Pendahuluan Mikro Komputer, pihak Kementerian Kewangan sebagai pelulus permohonan pinjaman akan meminta daripada JBNS nombor Akaun Subsidiari tersebut untuk dinyatakan dalam surat kelulusan pinjaman.

**4.2 Nombor Akaun Subsidiari Pendahuluan Diri(K52)**

4.2.1 Peminjam Sedia Ada Pendahuluan Diri (K52)

Bagi peminjam sedia dalam rekod Pinjaman Pendahuluan Diri, nombor akaun subsidiari akan disediakan oleh JBNS.

4.2.2 Pemohon Baru Pendahuluan Diri (K52)

Bagi pemohon baru Pendahuluan Diri(K52), Jabatan/Kementerian dimana pegawai bertugas hendaklah memohon kepada JBNS nombor akaun subsidiari tersebut.

**5. PEMAKAIAN**

**Nombor Kod Akaun Subsidiari Pendahuluan Mikro Komputer dan Pendahuluan Diri** hendaklah digunakan apabila menyediakan baucer bayaran inj Pendahuluan Mikro Komputer(K52) dan Pendahuluan Diri(K52).

**6. MAKLUMAT AM**

6.1 Lejar Subsidiari Pendahuluan Mikrokomputer dan Pendahuluan Diri merupakan dokumen tambahan kepada Lejar bulanan Perbendaharaan.

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 13 TAHUN 2017**  
**BERTARIKH: 02 OKTOBER 2017**

---

6.2 Lejar Subsidiari Pendahuluan Mikrokomputer dan Pendahuluan Diri ini hendaklah disesuaikan dengan Buku Daftar/ Buku Vot S3P Jabatan/Kementerian.

6.3 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab memastikan butiran dalam Lejar Subsidiari Pinjaman Mikro Komputer dan Pendahuluan Diri adalah sama dengan butiran dalam Buku Daftar/Buku Vot S3P Jabatan/Kementerian.

**7. TARIKH KUATKUASA**

7.1 Surat pekeliling ini **berkuatkuasa serta merta.**

**8. PERTANYAAN**

8.1 Sebarang pertanyaan berkenaan dengan **Kod Akaun Subsidiari Pendahuluan Mikro Komputer dan Pendahuluan Diri(K52)** boleh berhubung dengan Seksyen Akaun Amanah, Jabatan Bendahari Negeri, Kota Kinabalu di talian **088-368561/088-368391.**

Sekian, terima kasih.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**



**(CHUI NGGET NGO)**

Bendahari Negeri

